



## SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2015/05/57 (HQ)

### PRK ROMPIN: TNB SEDIA 40 SET JANAKUASA

Tenaga Nasional Berhad (TNB) menempatkan hampir 40 set janakuasa bergerak di kesemua 38 pusat mengundi serta pusat penjumlahan atau pengiraan undi di kawasan Pilihan Raya Kecil (PRK) Rompin.

Persiapan berkenaan untuk memastikan bekalan elektrik yang berterusan di sepanjang PRK berlangsung, kata Menteri Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili.

TNB, katanya turut menugaskan hampir 100 warga kerjanya dalam keadaan tunggu sedia (stand-by), selain menyediakan talian perkhidmatan pelanggan sedia ada 1-5454, untuk sebarang aduan dan pertanyaan.

"Semua ini bagi memastikan pengundi dapat menunaikan tanggungjawab mengundi dengan selesa serta proses pengundian berjalan lancar tanpa sebarang gangguan bekalan", katanya dalam ucapan penutup Hari TNB Bersama Pelanggan di Rompin semalam.

Maximus berkata TNB telah memperuntukkan perbelanjaan modal sebanyak RM139 juta untuk Negeri Pahang pada tahun ini bagi memastikan bekalan elektrik pada tahap dayaharap yang tinggi.

"Tumpuan diberikan kepada penyediaan bekalan elektrik yang berdaya harap dan berkualiti tinggi kepada 470,000 pengguna di Pahang amnya," tambahnya.

Pada majlis yang sama beliau merasmikan Program Pendawaian Semula Bekalan Elektrik Kediaman Peringkat Negeri Pahang.

TNB membelanjakan lebih RM90,000 bagi membiayai program ini untuk keselesaan penghuni 30 buah rumah di Daerah Rompin.

**Dikeluarkan di Rompin, Pahang, pada 4 Mei 2015**

*Untuk pertanyaan lanjut sila hubungi Md. Derus Bunchit at 019-2662296 /  
Teng Yoon Soon at 019-293 1228 / Maizatul Nadiah Saadon at 017-3816602  
[media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*